

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI**  
**[ BATANG SADONG ]**  
**TARIKH : 03 JULAI 2019 (RABU)**

**SOALAN NO. 147**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan tahap capaian internet di sekolah-sekolah di seluruh negara dan apakah tahap penggunaannya di sekolah-sekolah di Sarawak

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Pengajaran dan pembelajaran yang mengintegrasikan teknologi merupakan salah satu pemangkin bagi menerapkan kompetensi dan kemahiran abad ke-21 dalam kalangan murid. Atas dasar ini, capaian internet merupakan sebahagian daripada ekosistem yang menyokong pelaksanaan pendidikan digital selaras dengan Anjakan 7 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 iaitu Memanfaatkan ICT bagi Meningkatkan Kualiti Pembelajaran di Malaysia.

Kerajaan telah membekalkan perkhidmatan capaian internet di 10,198 sekolah di seluruh negara. Daripada jumlah ini, 9,828 (96.4 peratus) sekolah dibekalkan dengan perkhidmatan 1BestariNet manakala 370 (3.6 peratus) sekolah dibekalkan dengan capaian internet daripada pembekal perkhidmatan (ISP) lain. Daripada segi teknologi pula, 8,275 (81.1 peratus) sekolah menerima perkhidmatan jalur lebar berkelajuan tinggi 4G.

Bagi negeri Sarawak pula, 1,454 sekolah dibekalkan dengan capaian Internet. Daripada jumlah ini, 1,307 (90 peratus) sekolah dibekalkan dengan perkhidmatan 1BestariNet manakala 147 (10 peratus) sekolah dibekalkan dengan capaian internet daripada pembekal perkhidmatan (ISP) lain. Daripada segi teknologi pula, 679 (46.7 peratus) sekolah menerima perkhidmatan jalur lebar berkelajuan tinggi 4G.

Tahap penggunaan Internet di negeri Sarawak bagi bulan Disember 2018 hingga Mei 2019 menunjukkan peningkatan dari segi penggunaan. Pencapaian penggunaan tertinggi adalah pada bulan April 2019 dengan catatan muatan (jumlah muat naik dan muat turun) sebanyak 139,306.08 gigabyte manakala penggunaan terendah adalah pada bulan Disember 2018 dengan catatan muatan sebanyak 35,902.89 gigabyte.

Sekian, terima kasih.

RJM 37